



**MEMO ANTARA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENYIASATAN TATAKELOLA
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

Fail kami : SPRM.BPMP 600-6/4/1 jld 2 (26)

Tarikh : 13 Mac 2024

Perkara	HEBAHAN BERHUBUNG GARIS PANDUAN INSENTIF REBAT ATAU POTONGAN CUKAI KEPADA ORGANISASI YANG MELAKSANAKAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)	
Kepada	G1 D1 T1 M1	Salinan: Fail
Daripada	H1	

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, YAB Menteri Kewangan selaras dengan Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah bersetuju meluluskan secara dasar potongan cukai kepada sumbangan syarikat ke atas pembangunan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) serta diiktiraf sebagai projek pendidikan yang diluluskan oleh YAB Menteri Kewangan. Kelulusan potongan cukai ini adalah bagi pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024.

3. Bahagian Penyiasatan Tatakelola telah menyediakan Garis Panduan Permohonan Potongan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Yang Dikeluarkan Oleh Syarikat Yang Melaksanakan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi/ *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP) Di Bawah Subseksyen 34(6)(H) Akta Cukai Pendapatan 1967 serta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

4. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini hendaklah dihebahkan kepada syarikat/organisasi yang layak memohon potongan cukai. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **PKPj Farah Najwa binti Abdul Aziz di talian 03-8870 1830 / 019-6636 439** atau **PPj Ahmad Kamal bin Abdul Rahman di talian 03-8870 1837 / 017-780 3456** untuk penjelasan lanjut.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' / tuan / puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


(MAZNAH BINTI CHE MUDA) **KPKPj**

b.p.:Pengarah

Bahagian Penyiasatan Tatakelola

SPRM

Samb. :0035

Email : h1@sprm.gov.my

GARIS PANDUAN PERMOHONAN POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN YANG DIKELUARKAN OLEH SYARIKAT YANG MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI / *ORGANISATION ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)* DI BAWAH SUBSEKSYEN 34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. LATAR BELAKANG

Bagi menggalakkan penglibatan langsung sektor swasta dalam memperkasakan pencegahan rasuah dalam organisasi, Kerajaan telah membenarkan potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan bagi pembangunan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi / *Organisation Anti-Corruption Plan (OACP)* oleh syarikat. Potongan ini selaras Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan diiktiraf sebagai projek pendidikan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menerangkan syarat dan prosedur permohonan kelulusan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas pembangunan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah oleh syarikat bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

3. PEMOHON YANG LAYAK

Syarikat / Organisasi berikut layak memohon potongan cukai apabila melaksanakan pembangunan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah:-

- a. Mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;
- b. Mana-mana perniagaan yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2015;
- c. Mana-mana perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961;
- d. Mana-mana perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan
- e. Mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

4. KRITERIA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH

Perbelanjaan pembangunan Pelan Antirasuah yang layak menikmati potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah menepati kriteria seperti berikut:

- a. Pelan Antirasuah dibangunkan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) atau mana-mana pihak yang berkeelayakan;
- b. Pelan Antirasuah memenuhi kehendak dan kriteria dalam Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 atau mana-mana arahan Kerajaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- c. Strategi dalam Pelan Antirasuah fokus kepada inisiatif menangani rasuah dan integriti dalam organisasi (bukan bermotifkan keuntungan);
- d. Pelan Antirasuah yang dibangunkan hendaklah menyeluruh di semua skop dalam organisasi dan memberi manfaat secara keseluruhan kepada organisasi, pemegang taruh dan pelanggan;
- e. Pelan Antirasuah dibangunkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan dibenarkan oleh Kerajaan;
- f. Pelan Antirasuah dibangunkan untuk kegunaan syarikat itu sendiri (bukan sebagai perunding pembangunan Pelan Antirasuah untuk organisasi lain);
- g. Pelan Antirasuah didokumenkan (fizikal atau digital) dan diperakukan pemakaiannya; dan
- h. Sekiranya pembangunan Pelan Antirasuah yang dilaksanakan itu bercampur dengan program / aktiviti utama perniagaan atau bermotifkan keuntungan, maka potongan cukai hanya akan diberi kepada pembangunan Pelan Antirasuah yang menepati kriteria (a) hingga (f) sahaja.

5. BENTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH YANG DIBENARKAN

- 5.1 Yuran bagi bengkel *Corruption Risk Management* (CRM) dan bengkel pembangunan Pelan Antirasuah yang dikenakan oleh SPRM, IIM atau mana-mana pihak yang berkeelayakan.
- 5.2 Bayaran honorarium tenaga pengajar atau yuran perkhidmatan konsultan.
- 5.3 Kos pengangkutan, penginapan dan makan minum untuk bengkel pembangunan Pelan Antirasuah.
- 5.4 Kos percetakan kali pertama buku Pelan Antirasuah untuk rujukan / panduan warga kerja organisasi.

- 5.5 Kos bagi sesi penerangan kepada pegawai / kakitangan dan pemegang taruh berkaitan Pelan Antirasuah yang telah diperakukan pemakaiannya.

6. PROSEDUR PERMOHONAN POTONGAN CUKAI OLEH SYARIKAT YANG LAYAK

- 6.1. Permohonan hendaklah dibuat **selepas** pembangunan Pelan Antirasuah dilaksanakan dan Pelan Antirasuah tersebut telah diperakukan pemakaiannya.
- 6.2. Syarikat yang membangunkan Pelan Antirasuah bersama SPRM hendaklah mendapatkan pengesahan pelaksanaan pembangunan Pelan Antirasuah daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bagi perkara di 5.1 hingga 5.2 yang telah dilaksanakan.
- 6.3. Bagi syarikat yang membangunkan Pelan Antirasuah bersama IIM atau mana-mana pihak yang berkecualan hendaklah mendapatkan pengesahan daripada agensi tersebut bagi perkara di 5.1 hingga 5.2 yang telah dilaksanakan.
- 6.4. Syarikat yang membangunkan Pelan Antirasuah dengan menggunakan tenaga pengajar dari kalangan kakitangan syarikat itu sendiri tidak layak untuk mendapat potongan cukai untuk perbelanjaan bagi perkara di 5.1 dan 5.2.
- 6.5. Bagi tujuan semakan perbelanjaan pembangunan Pelan Antirasuah, syarikat hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut:-
- a. Borang Permohonan (**Lampiran A**)
 - b. Pelan Antirasuah (fizikal atau digital)
 - c. Salinan invoice / resit pembayaran program yang disahkan oleh Bahagian Kewangan syarikat yang membangunkan Pelan Antirasuah
 - d. Salinan invoice / resit pembayaran percetakan yang disahkan oleh Bahagian Kewangan syarikat yang membangunkan Pelan Antirasuah
- 6.6. Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen di senarai 6.5 kepada:-

Pengarah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

No. 2 Lebuhraya Wawasan, Presint 7

62250 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Atau

Pengarah SPRM Negeri

- 6.7. Pengesahan oleh SPRM bagi pembangunan Pelan Antirasuah adalah sepertimana di **Lampiran B**.

- 6.8. Syarikat hendaklah mengemukakan permohonan yang telah disahkan oleh SPRM kepada Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:-

Setiausaha Bahagian Cukai Bahagian Cukai
Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

7. HAD DAN KELULUSAN POTONGAN CUKAI

- 7.1. Kos pembangunan Pelan Antirasuah hendaklah **tidak melebihi RM100,000.00**. Perbelanjaan yang dibenarkan bagi potongan cukai adalah **perbelanjaan dalam tahun semasa** bagi pembangunan Pelan Antirasuah yang dilaksanakan dan Pelan Antirasuah tersebut diperakukan pemakaiannya.
- 7.2. Mana-mana perbelanjaan penyediaan Pelan Antirasuah yang mendapat tolakan di bawah Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan yang sama di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 7.3. Potongan cukai yang diberikan hanya **sekali sahaja untuk tempoh lima tahun** Pelan Antirasuah dan tertakluk kepada tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 7.4. Tiada potongan cukai diberikan ke atas semakan semula Pelan Antirasuah sedia ada yang masih dalam tempoh pelaksanaannya.

8. KESALAHAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU

SPRM akan mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana syarikat pemohon yang mengemukakan butiran yang palsu selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang lain yang berkaitan. Kementerian Kewangan berhak membatalkan kelulusan pada bila-bila masa sekiranya didapati syarikat dengan sengaja mengemukakan dokumen tuntutan yang mempunyai butiran palsu.

9. TARIKH KUAT KUASA

Kelulusan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi pembangunan Pelan Antirasuah **berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024**.

– TAMAT –

LAMPIRAN A

PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KELULUSAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 34(6)(H) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 KE ATAS SUMBANGAN PEMBANGUNAN PROGRAM PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (diisi oleh pemohon)

i. Butir-Butir Pemohon:

Nama Pemohon		No. Kad Pengenalan	
E-mel		No. Telefon	
Nama Syarikat		No. Pendaftaran Syarikat	
Alamat Syarikat			

ii. Butir- Butir Sumbangan:

Keterangan Program	Program Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)	Tarikh Program	
Tempat Program		Bilangan Peserta	
Bidang Projek	Projek Komuniti Pendidikan	Nilai Sumbangan	


Akuan Pemohon	Akuan Pengesahan Pembekal Latihan
Saya mengaku segala maklumat / dokumen yang diberi dalam borang ini adalah benar dan tiada permohonan dibuat untuk tempoh lima tahun sebelum permohonan ini dikemukakan. Sekiranya terdapat maklumat / dokumen yang diberi adalah palsu, kelulusan yang diberi boleh ditarik balik.	Saya mengesahkan bahawa program ini telah dilaksanakan bersama agensi:- (nama agensi yang menyediakan latihan)
..... ((Nama & Tandatangan Pemohon) Tarikh: Cop Rasmi Syarikat:	 ((Nama & Tandatangan Pengesah) Tarikh: Cop Rasmi Agensi:


**PERINCIAN PERBELANJAAN PELAKSANAAN
PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

BIL.	NO. RESIT	PERIHAL BAYARAN	NILAI (RM)
JUMLAH (RM)			

.....
(
(Nama & Tandatangan Pemohon)

Tarikh:





IBU PEJABAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
 No. 2, Lebuhr Wawasan
 Presint 7
 62250 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8870 0000
 Faks : 03-8870 0901
<http://www.sprm.gov.my>

Rujuk Tuan :

Ruj Kami :

Tarikh :

Kepada:

YAB Menteri Kewangan

PENGESAHAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya No. Kad Pengenalan berjawatan mengesahkan bahawa syarikat telah melaksanakan program pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi pada dengan kos program sebanyak RM

3. Bersama surat ini dilampirkan perincian program dan kos sepertimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan daripada syarikat yang melaksanakan program. SPRM tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan fakta, fakta tidak tepat atau palsu dalam Borang Permohonan ini.

4. Permohonan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini adalah selaras dengan kelulusan secara dasar YAB Menteri Kewangan melalui surat MOF.TAX.700-3/1/563(17) bertarikh 31 Mei 2023.

Sekian, terima kasih.

.....
 (Cop nama & jawatan pengesah)

